

Yayasan, kursi Ghafar Baba diwujudkan

KUALA LUMPUR 15 Nov. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan keputusan kerajaan mewujudkan kursi pengajian Tun Abdul Ghafar Baba dan sebuah

yayasan sebagai penghormatan kepada jasa bakti tokoh itu kepada parti, bangsa dan negara.

Presiden UMNO itu berkata, kursi pengajian yang diabadikan atas nama bekas Timbalan Perdana Menteri itu akan diwujudkan di "alma mater" iaitu tempat Allahyarham mendapat pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim, Perak.

Sebelum dinaik taraf sebagai universiti, UPSI dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris.

Bagi Abdullah, Allahyarham ialah seorang tokoh UMNO yang kesetiannya kepada parti tidak pernah goyah baik di masa susah mahupun waktu senang.

Justeru Perdana Menteri menyifatkan pemergian Allahyarham ke Rahmatullah pada 23 April lalu sebagai mendung yang menyelimuti negara.

UM-16/11/2006
"Telah padamlah satu kandil negara yang sepanjang hayatnya menyalakan cahaya untuk negara bangsanya," katanya sebagai menegenang peranan Ghafar yang disifatkannya sebagai tokoh ternama dan ulung, dalam politik dan pembangunan negara.

Abdullah berkata demikian dalam ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Perdana Menteri kemudian mengajak hadirin menghadahkan Surah *al-Fatihah* untuk roh para pejuang dan pemimpin UMNO termasuk Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman.